

# Produk Penyelidikan CEGeoGTech Bolot 3 Anugerah di IMTCE 2014

Dua penyelidik Pusat Kecemerlangan Geopolimer & Teknologi Hijau (CEGeoGTech), PPK Bahan berjaya merangkul 3 Anugerah Bahan Hijau bagi kategori berasingan sempena Persidangan & Pameran Antarabangsa Teknologi Bahan (IMTCE) kali ke-9 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) pada 13 hingga 16 Mei 2014.

Persidangan yang dianjurkan oleh Institut Bahan Malaysia (IMM) itu melibatkan penyertaan sekitar 70 peratus institusi akademik manakala baki 30 peratus merupakan penyertaan dari industri membabitkan lebih 30 buah negara antaranya Jepun, China, Thailand, Singapura, United Kingdom dan Afrika Selatan. Daripada enam kategori yang dipertandingkan, CEGeoGTech berjaya membolot tiga anugerah iaitu bagi kategori Bahan Bangunan, Bahan Salutan dan Bahan Pembungkusan.

Produk penyelidikan Simen dan Konkrit Mesra Alam yang menggunakan bahan terbuang daripada industri janakuasa yang dikitar semula sebagai bahan binaan berjaya menggondol Anugerah Bahan Bangunan manakala produk penyelidikan Bahan Salutan Geopolimer Pelbagai Guna meraih anugerah kategori Bahan Binaan.

Produk yang terpilih adalah yang diguna pakai dalam industri pembinaan bagi tujuan penyelenggaraan dan anti karat manakala produk penyelidikan *Proxdplast - Novel Oxo-biodegradable Plastic Using Natural Pro-oxidant* berjaya membolot anugerah kategori Bahan Pembungkusan. Hadiah disampaikan oleh Menteri Pendidikan II Malaysia, YB Dato' Seri Idris Jusoh.

